



3 April 2013
3 April 2013
P.U. (A) 128

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (PENGECUALIAN) 2013

REAL PROPERTY GAINS TAX (EXEMPTION) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

PERINTAH CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (PENGECUALIAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 9(3) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 [*Akta 169*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pengecualian) 2013**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2013.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“amanah perniagaan” dan “pengurus pemegang amanah” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*].

Pengecualian

3. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2) dan (3), Menteri mengecualikan mana-mana orang daripada pembayaran cukai keuntungan harta tanah atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang terakru bagi pelupusan mana-mana aset yang boleh dikenakan cukai, termasuklah syer dalam syarikat harta tanah, kepada pengurus pemegang amanah bagi pihak amanah perniagaan.

(2) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah terpakai kepada seseorang yang membuat pelupusan itu kepada pengurus pemegang amanah bagi pihak suatu amanah perniagaan yang—

(a) telah didaftarkan atau diiktiraf oleh Suruhanjaya Sekuriti menurut Penggal 3B Bahagian VI Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan